

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 17 JUN 2014

SOALAN :

**YB. Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :**

- a) data statistik kemasukan pelancong daripada luar negara pada tahun 2012 hingga Mei 2014; dan
- b) adakah jumlah kemasukan pelancong daripada luar negara ke negeri Sabah selepas kejadian pencerobohan Lahad Datu hingga ke hari ini terjejas.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikut adalah statistik berkaitan ketibaan pelancong asing ke Malaysia pada tempoh 2012 hingga 2013.

- Tahun 2012- 25 juta orang (Peningkatan 1.3 peratus)
- Tahun 2013- 25.7 juta orang (Peningkatan 2.7 peratus)
- Tahun 2014 (Januari-Mac) -7.1 juta orang (Peningkatan 10 peratus berbanding Januari –Mac 2013)

Untuk makluman Yang Berhormat, kemasukan pelancong asing ke Sabah pada tahun 2013 adalah seramai **1.089 juta** orang berbanding tahun 2012 seramai **941,765** orang. Kemasukan pelancong asing telah meningkat sebanyak **15.7** peratus berbanding tahun 2012.

Insiden-insiden seperti kehilangan MH 370, kes penculikan dan pencerobohan di Lahad Datu telah memberi kesan kepada jumlah kemasukan pelancong China khususnya ke Sabah seperti berikut:

Statistik Pelancong China ke Sabah (Jan-April)

Jan-April 2012	Jan-April 2013	Jan-April 2014 (preliminary)
59,385	103,917 (+74.9%)	153,768 (+47.9%)

Walaupun masih terdapat pertumbuhan ketibaan pelancong dari China ke Sabah, namun ia tidaklah menggalakan bila dibandingkan dengan pertumbuhan pada tahun sebelumnya.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memastikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat pencerobohan ini.

Sekian, terima kasih.